

9 JAN 1996

Mahathir-Pelabuhan

TUKAR CORAK PEMIKIRAN, JADIKAN PELABUHAN KLANG SUATU KEJAYAAN

PELABUHAN KLANG, 9 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata rakyat Malaysia terutamanya pengimport dan pengeksport, serta juga akhbar-akhbar ekonomi Malaysia, perlu menukar corak pemikiran mereka bagi membolehkan mereka menggunakan sepenuhnya Pelabuhan Klang, pelabuhan utama negara ini.

Perdana Menteri berkata satu pertiga daripada jumlah perdagangan Malaysia, sama ada dieksport atau diimport, dibawa menerusi pelabuhan-pelabuhan lain bukan milik Malaysia walaupun Pelabuhan Klang mempunyai semua kemudahan pelabuhan utama untuk memenuhi keperluan mereka.

"Kita sebenarnya menerima perkara ini sebagai suatu perkara biasa, seolah-olah suatu perkara semula jadi yang kita tidak patut persoalkan," katanya pada majlis sambutan ketibaan pertama kali satu daripada kapal terbesar American President Lines (APL), "APL China", di sini.

Beliau berkata Pelabuhan Klang mempunyai kapasiti sebagai pelabuhan utama dan perlu dijadikan satu pelabuhan utama bagi Malaysia untuk melaksanakan perdagangan terus dengan negara-negara lain dan kapal-kapal besar seperti kapal kontena besar.

"Corak pemikiran kita (terhadap pelabuhan-pelabuhan kita) perlu ditukar," katanya sambil memberi contoh bahawa akhbar-akhbar ekonomi Malaysia boleh menyiarkan nama dan waktu ketibaan kapal-kapal di pelabuhan-pelabuhan asing tetapi tidak di Pelabuhan Klang.

"Jika anda membaca akhbar ekonomi Malaysia, anda akan menjumpai perkataan ETA SIN...saya tidak tahu apakah maksud SIN tetapi ia mungkin satu dosa (daripada perkataan Inggeris "sin") atau perkara lain," katanya disambut dengan gelak ketawa para hadirinya termasuk Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik dan timbalannya Datuk Mohd Ali Rustam.

Dr Mahathir mempersoalkan mengapa ia tidak ditulis ETA Pelabuhan Klang (Jangka Waktu Tiba Pelabuhan Klang) apabila semua kapal-kapal akan berlabuh di sini.

"Saya harap kita tidak membuat urusan dengan sebarang dosa apabila kita bercakap mengenai Pelabuhan Klang...ketika kapal-kapal tiba atau berlepas dari sini," katanya.

Beliau berkata pergerakan kapal ke pelabuhan-pelabuhan Malaysia, dan bukannya ke sesetengah pelabuhan asing, sepatutnya menjadi bahan maklumat yang harus disiarkan oleh akhbar-akhbar ekonomi tempatan kerana ia merupakan maklumat yang diperlukan oleh pengimport, pengeksport, penghantar barangan dan pihak lain yang berkaitan dengan perniagaan itu.

"Saya bukannya mengkritik sesiapa tetapi kebiasaannya, mereka suka menggunakan singkatan SIN untuk nama mereka, pelabuhan mereka... tetapi kita tidak sepatutnya melakukan dosa yang sama dengan mereka," katanya, sekali lagi disambut dengan gelak ketawa para tetamu majlis itu termasuk pengusaha dan pengguna pelabuhan.

"Oleh itu, saya berharap akhbar-ahbar memberi perhatian kepada perkara ini kerana seperti yang saya katakan sebelum ini, semua orang di Malaysia harus menjadikan tanggungjawab mereka bagi memastikan Pelabuhan Klang berjaya dan untuk berjaya, semua harus komited, semua orang di setiap peringkat," katanya.

Dalam nada yang lebih serius, Perdana Menteri berkata bahawa kapal kontena terbesar dunia itu tidak akan datang ke Malaysia jika tidak ada kargo yang mencukupi untuk diangkutnya. Oleh itu rakyat Malaysia sangat perlu menggunakan sepenuhnya Pelabuhan Klang.

Dr Mahathir berkata semaua orang di Pelabuhan Klang daripada peringkat pekerja, pengurus, pengusaha lori dan pengusaha pengangkutan lain termasuk Kastam perlu komited dan melakukan sebaik mungkin untuk memastikan keberkesanan.

Beliau memberi contoh bahawa kapal-kapal perlu diberi jaminan dapat membuat pusingan yang cepat bagi memastikan ia tidak perlu menunggu lama di pelabuhan itu kerana masa adalah wang baginya.

"Setiap orang perlu bekerja kuat dan komited ke arah menjadikan Pelabuhan Klang sebuah pelabuhan berjaya dan untuk berjaya, ia memerlukan keberkesanan dan kerja kuat serta komitmen daripada semua orang," katanya.

Katanya usaha kerajaan mempromosikan Pelabuhan Klang adalah untuk kebaikan semua pihak.

Beliau berkata kejayaan Pelabuhan Klang adalah baik bagi ekonomi negara dan semua orang akan mendapat faedah daripada pertumbuhan ekonomi sama ada daripada segi kwanan atau cara lain.

"Oleh itu, saya ingin menekankan tentang perlunya semua rakyat Malaysia memikirkan lebih banyak mengenai Pelabuhan Klang, menggunakan Pelabuhan Klang. Begitu juga ahli-ahli perniagaan, pengeluar, pengeksport dan pengimport di Malaysia perlu menggunakan Pelabuhan Klang, mengangkut kargo sebanyak yang boleh di sini yang akan memberi makna untuk kapal-kapal besar berlabuh," katanya.

Mengenai APL China, Dr Mahathir berkata kerajaan berharap kunjungan kapal itu ke sini akan menguntungkan dan akan menandakan permulaan kepada lebih banyak kunjungan ke sini.

APL China, kapal pertama daripada enam kapal APL, akan melakukan kunjungan mingguan di Pelabuhan Klang bagi perjalanan terus antara Malaysia dan Amerika Utara, yang membolehkan para pengusaha kapal di Malaysia memperolehi masa transit terpantas antara Pelabuhan Klang dan Amerika Utara, selama 17 hari untuk pergi dan datang dari Pantai Barat Amerika.

Yang berada di pelabuhan Klang Container Terminal (KCT) untuk menyambut Perdana Menteri ialah Pengerusi American President Companies Ltd, syarikat induk APL, Encik George Hayashi yang kemudian mengiringi Dr Mahathir untuk meninjau kapal itu.

Ketika bercakap kepada pemberita kemudian, Dr Mahathir berkata Pelabuhan Klang dirancang menjadi entreport dan pelabuhan bebas yang menerima barangan dari negara-negara lain untuk pengedaran tempatan dan di negara-negara jiran serta mengangkut barangan dari pelabuhan-pelabuhan kecil untuk dibungkus semula dan dieksport.

Ketika diminta mengulas mengenai kenaikan kadar bayaran oleh beberapa syarikat perkapalan baru-baru ini, beliau berkata jika kenaikan itu melibatkan semua perjalanan, ia tidak akan membebankan Pelabuhan Klang.

Beliau berkata Pelabuhan Klang tidak akan menaikkan bayaran kerana ia mahu menarik lebih banyak pengguna. -- BERNAMA